

Penyelidik UMS raih kejayaan dalam pameran inovasi

UB 5-6-13 B3
SERAMAI 20 orang termasuk penyelidik dan pensyarah Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya mengharumkan nama UMS dengan meraih anugerah sempena pameran dan pertandingan inovasi yang dijalankan dalam tempoh Februari hingga Mei tahun ini.

Dua pameran peringkat kebangsaan yang bertaraf antarabangsa yang disertai UMS itu adalah Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) 2013 pada 21 hingga 23 Februari di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur dan Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (Itex) 2013

pada 9 hingga 11 Mei di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Sebanyak 30 penyertaan melibatkan UMS, masing-masing 16 penyertaan dalam MTE dan 14 penyertaan lagi dalam ITEx.

UMS berjaya meraih 13 anugerah iaitu tiga emas, satu perak, sembilan gangsa, dan tiga sijil menerusi MTE.

Selain itu, lebih membanggakan lagi, satu inovasi UMS berjaya meraih anugerah 'Women Inventor of the Year' yang diperolehi oleh Pensyarah Sekolah Pengajian Seni (SPS), Jinky Jane C. Simeon.

Manakala, pada Itex 2013,

UMS berjaya meraih sebanyak 13 anugerah termasuklah enam emas, tujuh perak dan satu sijil.

Jinky yang mempertaruhkan inovasinya yang bertajuk 'U9 Xlophone' berkata, beliau mengambil masa selama dua tahun dalam menyediakan penyelidikan berkaitan alatan muzik Xlophone.

"Pengubahsuaian alatan muzik ini adalah seiring dengan usaha untuk meningkatkan lagi pemahaman dan minat para pelajar khususnya di peringkat sekolah rendah terhadap muzik tradisional.

"Kalau dilihat, kebanyakan alatan berkenaan yang dijual di pasaran sekarang tidak berapa mesra kepada kanak-kanak.

Justeru, inovasi ini sememangnya dikhususkan kepada golongan terabit," katanya.

Jelasnya, inovasi itu adalah sesuatu yang baru dan berasal dari gambang tradisional. Ia dapat menyediakan guru-guru muzik dan kanak-kanak dengan peralatan muzik yang lebih berkesan dan mampu dimiliki untuk tujuan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P).

Tambahnya, ia juga alat muzik unik yang mempunyai ciri-ciri yang tidak terdapat pada xylophone yang berada di pasaran sekarang.

"U9 Xylophone telah diubah suai khusus supaya ia boleh

dimainkan dalam tiga variasi yang berbeza iaitu, soprano, alto dan bass." katanya.

Sementara itu, seorang lagi penerima anugerah emas menerusi Itex, Pensyarah Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPsiKS), Prof. Madya Dr. Balan Rathakrishnan berkata, kajian mengenai masalah kesihatan mental dari kalangan pelajar sekolah menengah membawanya untuk meraih anugerah berkenaan.

Katanya, kajian yang mengambil masa lebih kurang tiga tahun itu melibatkan seramai 1,000 pelajar sekolah menengah di Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau.

"Saya sendiri tidak menjangka

akan meraih emas kerana Itex mengutamakan latar belakang sains dan saya pula daripada bidang sains sosial.

"Namun begitu, saya berjaya mencipta program komputer dan juga video mengenai tips dan teknik terapi untuk membantu pelajar mengatasi permasalahan berkaitan kesihatan mental.

"Secara dasarnya, masalah kesihatan mental adalah berkaitan dengan tekanan, kebimbangan dan juga kemurungan," jelasnya.

Balan berkata, di Sabah ini, masalah kesihatan mental dari kalangan pelajar masih pada tahap sederhana tetapi perlu untuk diberi perhatian serius.